



## OPR dijangka naik lagi

Sri Ayu Kartika Amri

kartika@hmetro.com.my

Kuala Lumpur: Bank Negara Malaysia (BNM) dijangka menaikkan lagi kadar dasar semalaman (OPR) pada tahun ini dan situasi ini memberi kesan terhadap peniaga dan pengguna.

Penganalisis ekonomi, Prof Madya Dr Aimi Zulhazmi Abdul Rashid berkata, kenaikan ini pastinya membabitkan hampir semua jenis pinjaman yang diapungkan kadarnya.

Sehubungan itu, katanya, peminjam akan terkesan berikutan kenaikan pembayaran pinjaman bulanan.

"Ini situasi yang sukar kerana untuk melindungi pasaran kewangan negara, BNM terpaksa menaikkan lagi OPR untuk menjadikan pasaran modal negara seiring dengan negara lain apabila Rizab Persekutuan (Fed) Amerika Syarikat (AS) terus menaikkan kadar faedah pada tahun ini," katanya kepada Bisnes Metro.

Beliau berkata, dasar monetari yang diamanahkan kepada BNM juga seiring dengan rata-rata bank pusat negara lain yang terus menaikkan kadar faedah masing-masing untuk menurunkan permintaan dalam ekonomi yang dikatakan menjadi punca kepada kenaikan inflasi.

"Sekiranya tidak dinaikkan, maka berkemungkinan pengurus dana bagi pelabur asing dan tempatan akan memindahkan pelaburan ke luar negara kerana faedah yang ditawarkan lebih menguntungkan mereka.

"Dan sekiranya (ini) berlaku, maka nilai mata wang ringgit akan turut jatuh apabila penukaran dari ringgit kepada dolar Amerika untuk membawanya ke luar negara," katanya.

Katanya, pengguna dan peniaga mengurangkan hasrat untuk membuat pinjaman baharu kecuali hanya kerana terpaksa atau terdesak.

"Bagi mereka yang mempunyai simpanan yang lebih pastinya gembira dengan kenaikan kadar faedah tetap, namun simpanan di pengurusan dana lain juga tidaklah begitu baik kerana pasaran saham negara juga turut menurun dengan indeks Bursa Malaysia sudah turun dari 1,600 mata kepada 1,400 mata pada 2022.

"Saya melihat kadar faedah pula dijangka naik sehingga OPR mencecah 3.25 peratus tahun ini berikutan Fed dijangka akan terus menaikkan kadar faedahnya sehinggalah kadar inflasi dapat kembali turun dan dikawal hingga 2.0 peratus berbanding 8.0 peratus sekarang ini," katanya.

Disiarkan pada: Januari 3, 2023